

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
HUKUM MENGENAKAN BAYARAN PERKHIDMATAN KE ATAS PINJAMAN WANG TUNAI**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah menerima persoalan daripada Pengurus Besar, Pertubuhan Peladang Sabak Bernam yang bertanyakan berkenaan dengan hukum mengenakan bayaran perkhidmatan 4 peratus daripada pinjaman wang tunai: adakah ianya dikira riba atau tidak.

Dalam pada itu, timbul persoalan yang sama iaitu, apakah hukumnya meminjam wang kerajaan yang dikenakan faedah untuk membeli rumah atau kenderaan.

Oleh kerana soalan ini hampir sama, Jawatankuasa memutuskan, jawapan yang diberi adalah untuk menjawab kedua-dua soal tersebut.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Ahli Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang muktabar di dalam Islam dan mengambil keputusan seperti berikut :

"Hukum mengenakan bayaran perkhidmatan 4 peratus daripada pinjaman wang tunai kepada ahli PPK, Sabak Bernam dan hukum meminjam wang kerajaan yang dikenakan faedah untuk membeli rumah atau kenderaan adalah harus dengan syarat tidak dimasukkan ke dalam akad seperti ternyata dalam Kitab Al Fatwa Al-Fataniah Lilmarhum As-Syeikh Muhammad bin Mustapa Al-Fatani, bilangan (49) muka surat 131 yang berbunyi :

Soal ( 49 ) :

Masalah apa kata kamu pada seseorang mengambil daripada Cina seumpama dua ribu rial dan telah berkata Cina itu dengan adatnya dalam seribu, tiga puluh rial, dan ia terima akan dua ribu itu daripadanya dengan ketiadaan ijab dan kabul dan ia memberi tatkala membayar atau ketika sekarang itulah akan tiga puluh rial pada tiap-tiap seribu seperti adatnya adalah jadi riba atau tiada?

Jawab (49) :

Tiada jadi riba kerana syarat pada membayar lebih pada Mazhab Syafie itu bahawa adalah lebih itu disyaratkan dia di dalam akad seperti katanya (aku memperhutangkan akan dikau seribu rial itu dengan syarat bahawa engkau membayar kepada aku seribu dan tiga puluh rial dan berkata yang berhutang (aku berhutanglah kepada engkau seribu rial ini dengan syarat tersebut), maka jadilah demikian itu riba yang haram.'

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 31 Januari 1990.